

05/07/2001

Sambutan rasmi Hari Pengguna Kebangsaan 26 Julai

SHAH ALAM, Rabu - Hari Pengguna Kebangsaan akan disambut secara rasmi pada 26 Julai setiap tahun, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S Subramaniam.

Beliau berkata, tarikh berkenaan dipersetujui Kabinet pada mesyuaratnya minggu lalu dan pelancarannya akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 26 Julai ini.

Katanya, sebelum ini Hari Pengguna memang disambut, tetapi pengisytiharan tarikh rasmi tidak pernah diumumkan.

"Kini tarikh rasmi sudah ditetapkan dan kita harap ia akan disambut dengan lebih meriah dan teratur pada masa akan datang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pusat pengedaran baru National Panasonic (Malaysia) Sdn Bhd di sini, hari ini.

Penetapan tarikh rasmi itu memang dinantikan banyak pihak terutama Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) yang sebelum ini bercadang menetapkan suatu hari pada September sebagai Hari Pengguna Kebangsaan.

Ini juga bagi menyahut seruan Dr Mahathir supaya negara mempunyai hari penggunanya sendiri.

Presiden Fomca, Prof Hamdan Adnan, sebelum ini berkata, exco Fomca pada mesyuaratnya memutuskan untuk memilih tarikh Akta Perlindungan Pengguna 1999 diwartakan sebagai Hari Pengguna bagi Malaysia.

Fomca yang dimaklumkan akta itu akan diwartakan September ini, mahu mengambil sempena hari ia diwartakan kerana akta itu hasil perjuangan hampir 20 tahun pergerakan kepenggunaan negara ini.

(END)